

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN ER TECK HWA
KAWASAN : BAKRI
TARIKH : 11.6.2014 (RABU)
NO. SOALAN : 87

Y.B. Tuan Er Teck Hwa minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan senarai jumlah makanan dan minuman serta produk halal negara yang dieksport keluar mengikut negara pengimport, jenis produk, jumlah produk dan jumlah hasil yang diterima dari 2008 hingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Perdagangan produk halal hanya mula dipantau pada tahun 2010. Pada tahun 2010, jumlah eksport produk halal negara berjumlah RM15.2 bilion. Di antara barangang utama yang dieksport adalah ramuan halal (*halal ingredients*) bernilai RM6 bilion diikuti dengan bahan daripada kelapa sawit (RM 5 bilion), bahan kimia industri (RM2.1 bilion), kosmetik dan penjagaan diri (RM1.3 bilion), farmaseutikal (RM370 juta) serta industri makanan dan minuman (RM331 juta).

Destinasi eksport utama produk halal negara adalah ke Republik Rakyat China (RM2.1 bilion), Amerika Syarikat (RM1.9 bilion), Belanda (RM1.7 bilion), Singapura (RM2.94 bilion) dan Jepun (RM1.1 bilion),

Pada tahun 2011, negara telah mengeksport barang halal bernilai RM23.8 bilion di mana ia menyumbang 3.4 peratus kepada keseluruhan eksport negara yang berjumlah RM697.8 bilion. Keluaran halal yang dieksport mengikut keutamaan adalah bahan ramuan halal (*halal ingredients*) berjumlah RM11.2 bilion, produk berasaskan minyak sawit berjumlah RM7 bilion, bahan kimia industri berjumlah RM2.3 bilion, kosmetik dan penjagaan diri berjumlah RM1.9 bilion, makan dan minuman berjumlah RM1.1 bilion dan farmaseutikal bernilai RM313 juta. Destinasi eksport utama produk halal negara adalah ke Negara Republik Rakyat China (RM3.4 bilion), Amerika Syarikat (RM2.3 bilion), Belanda (RM2.1 bilion), Jepun (RM1.7 bilion) dan Singapura (RM1.5 bilion).

Tuan Yang Di Pertua,

Jumlah eksport Halal keseluruhan untuk 2012 berjumlah RM32 bilion. Keluaran halal yang dieksport mengikut keutamaan adalah makanan dan minuman berjumlah RM12.2 bilion, ramuan halal (*halal ingredients*) berjumlah RM10.6 billion, produk berasaskan minyak sawit berjumlah RM5 bilion, bahan kimia industri berjumlah RM1.9 bilion, kosmetik dan penjagaan diri berjumlah RM1.7 bilion, dan farmaseutikal bernilai RM375 juta. Destinasi eksport utama produk

halal negara adalah ke Negara Republik Rakyat China (RM3.9 bilion), Singapura (RM3.1 bilion), Amerika Syarikat (RM2.7 bilion), Indonesia (RM2.1 bilion) dan Belanda (RM1.8 bilion).

Pada tahun 2013 pula, negara telah mengeksport barang halal bernilai RM32.8 bilion di mana ianya menyumbang 4.56 peratus kepada keseluruhan eksport negara yang berjumlah RM719.8 bilion. Keluaran halal yang dieksport mengikut keutamaan adalah makanan dan minuman berjumlah RM13.2 billion, bahan ramuan halal (*halal ingredients*) berjumlah RM10.6 bilion, produk berdasarkan minyak sawit berjumlah RM4.8 bilion, kosmetik dan penjagaan diri berjumlah RM2 bilion, bahan kimia industri berjumlah RM1.6 bilion dan farmaseutikal bernilai RM407 juta. Destinasi eksport utama produk halal negara adalah ke Negara Republik Rakyat China (RM4.3 bilion), Singapura (RM3.1 bilion), Amerika Syarikat (RM2.7 bilion), Indonesia (RM2.2 bilion) dan Jepun (RM1.8 bilion).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN LIANG TECK MENG
[SIMPANG RENGGAM]**

TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)

SOALAN : 88

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah Kementerian akan memastikan semua syarikat penerbangan di Malaysia akan dilengkapi dengan pangkalan data *Interpol's Stolen & Lost Travel Documents* (STLD) daripada bergantung kepada *Offline Interpol Data System* yang perlu dikemaskini dari semasa ke semasa.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Simpang Renggam, sistem daftar masuk penumpang yang disediakan oleh Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) di semua lapangan terbang negara adalah menggunakan sistem SITA (*Société Internationale De Télécommunications Aéronautiques*). Buat masa ini, sistem SITA yang digunakan di lapangan terbang negara tidak dilengkapi dengan pangkalan data *Interpol's Stolen & Lost Travel Documents* (STLD). Menyedari akan keperluan pangkalan data STLD, MAHB sedang membuat kajian untuk cadangan melengkapkan sistem SITA dengan STLD.

SOALAN 89

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
(TANAH MERAH)**

TARIKH : 11.06.2014 (RABU)

**DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ (TANAH MERAH)
MINTA MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI
DAN KEPENGGUNAAN menyatakan apakah kejayaan OPS TITIK
dilancarkan pada 15 Mei 2014 lalu bertujuan membanteras
penyelewengan diesel bersubsidi dan berapakah jumlah tangkapan
yang dilakukan.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian sedang menggerakkan OPS TITIK yang bermula pada 15 Mei 2014 yang baru lalu bertujuan untuk memerangi secara habis-habisan jenayah penyelewengan bahan petroleum bersubsidi termasuklah minyak diesel. Operasi ini digerakkan secara besar-besaran di seluruh Negara dan melibatkan pelbagai agensi penguatkuasaan.

Selaku agensi peneraju, Kementerian sendiri menggerakkan operasi secara bersepadu serta memberi bantuan dan kerjasama penuh kepada seluruh agensi penguatkuasaan yang lain termasuk kepada operasi yang digerakkan di bawah Pasukan Petugas Khas Jabatan Peguam Negara. Antara agensi penguatkuasaan yang terlibat secara langsung dalam operasi ini ialah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Unit Pencegah Penyeludupan (UPP), Agensi Penguinkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Laut Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan beberapa agensi penguatkuasaan yang lain.

Sehingga 31 Mei 2014, OPS TITIK ini telah berjaya mematahkan kegiatan menyelewengkan bahan petroleum bersubsidi dengan mencatat 97 kes yang melibatkan rampasan dianggarkan bernilai RM4.25 juta. Semua jenayah yang dipatahkan ini melibatkan orang perseorangan serta sindiket yang bergerak di sempadan negara, di darat, dipelabuhan dan juga di kawasan perairan negara.

Dalam tempoh 17 hari OPS TITIK ini digerakkan, telah mula melihat impak yang agak positif iaitu kejadian *stock-out* minyak diesel yang sebelum ini kerap berlaku terutamanya pada akhir setiap bulan, kini sudah berkurangan dengan mendadak. Ini menunjukkan operasi yang sedang dijalankan telah menunjukkan kejayaan awal yang sangat membanggakan. Kementerian sangat berharap agar tindakan yang berterusan ini juga akan dapat mengurangkan jumlah subsidi yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan bukan sahaja ke atas minyak diesel tetapi juga petrol RON 95 dan gas petroleum cecair pada penghujung tahun 2014 nanti.